

Panduan Pemilik Homestay

Semua yang anda perlu tahu selepas mendaftar: Panel Pemilik, foto, harga, kalendar, poster QR, Sistem Resit, Premium, keselamatan dan terma.

✓ Listing asas PERCUMA

★ Premium RM10/bulan

homestaysmalaysia.com

Bayaran tetamu terus kepada anda.

Edisi 13 November 2026

Selamat datang!

Terima kasih kerana menyenaraikan homestay anda di **HomestaysMalaysia.com**. Pelancong mencari homestay ikut lokasi dan destinasi, menyemak kalendar kekosongan anda, kemudian menghubungi anda terus melalui WhatsApp. **Bayaran tetamu dibuat terus kepada anda.**

✓ Listing asas PERCUMA

Percuma selamanya untuk listing pertama setiap pemilik: page homestay, 5 foto, kalendar, review, peta & carian ikut lokasi.

⭐ Premium RM10/BULAN

20 foto, link nama sendiri, sync kalendar Airbnb/Booking/Google, video, harga musim, statistik penuh, poster QR, Sistem Resit dan Boost.

Dalam panduan ini, ciri bertanda PREMIUM hanya untuk listing Premium. Yang lain boleh digunakan semua pemilik.

Kandungan

1 Basic vs Premium: apa beza?

2 Senarai semak 10 minit pertama

3 Mengenali Panel Pemilik

4 Foto, video & harga

5 Kalendar & sync Airbnb / Google Calendar

6 Link, poster QR & review

7 Sistem Resit, deposit & arahan check-in

8 Premium, bayaran & Boost

9 Lencana ✔ Pemilik Disahkan

10 Keselamatan untuk anda & tetamu

11 Terma penting & hubungi kami

1 Basic vs Premium

Ciri	Basic (percuma)	⭐ Premium
Page homestay, dipaparkan dalam carian & peta	✔	✔
Kalendar kekosongan (tanda sendiri)	✔	✔
Butang WhatsApp tempahan & review tetamu	✔	✔
Kemudahan, peraturan rumah, promosi khas	✔	✔
Link pendek homestaysmalaysia.com/h/ID	✔	✔
Bilangan foto	5	**20**
Video YouTube / Facebook di page	–	✔
Link nama sendiri homestaysmalaysia.com/nama-homestay	–	✔
Sync kalendar Airbnb, Booking.com, Agoda & Google Calendar	–	✔
Harga hujung minggu & musim cuti dipaparkan	–	✔
Statistik penuh ikut hari (paparan & klik WhatsApp)	Jumlah sahaja	✔
Page bersih, tiada homestay lain dicadangkan	–	✔
Poster & kod QR siap cetak (tempahan & review)	–	✔
Sistem Resit, rekod deposit, laporan pendapatan, arahan check-in	–	✔
Layak Boost & lencana ✔ Pemilik Disahkan	–	✔

Bulanan
RM10
sebulan

1 Tahun · jimat RM10
RM110
setahun (±RM9.17/bulan)

🎁 Tawaran pertama
RM5
bulan pertama, sekali bagi setiap listing

Penting: listing **pertama** setiap pemilik percuma (dikenal pasti melalui no. telefon & emel). Listing kedua dan seterusnya perlu Premium untuk dipaparkan. Bila Premium tamat, listing **tidak hilang**; ia kembali kepada Basic.

2 Senarai semak 10 minit pertama

Listing yang lengkap lebih mudah ditemui dan lebih dipercayai tetamu. Log masuk di **homestaysmalaysia.com → Panel Saya**, kemudian:

- ☐ Tunggu kelulusan admin (biasanya 1–2 hari bekerja). Sementara itu, lengkapkan perkara di bawah.
- ☐ **Pin lokasi tepat** di peta (tab Maklumat). Pin inilah yang membuat homestay anda muncul bila pelancong tekan "Homestay berdekatan saya".
- ☐ Upload foto terbaik (tab Foto & video): **5 foto** untuk Basic, **20 foto** untuk Premium. Foto pertama jadi foto utama dan gambar bila link dikongsi di WhatsApp / Facebook.
- ☐ Tanda kemudahan: halal friendly, surau / arah kiblat, WiFi, aircond, dapur, parking, kolam dan lain-lain.
- ☐ Isi masa check-in / check-out, deposit dan peraturan rumah (tab Harga & peraturan).
- ☐ Tanda tarikh yang **penuh** dalam kalendar. Premium: sambung Airbnb / Booking / Google Calendar supaya kemas kini sendiri. PREMIUM
- ☐ Kongsi link homestay anda di bio Instagram / TikTok, status WhatsApp dan group Facebook.
- ☐ Sertai **group WhatsApp pemilik homestay** (link dalam emel selamat datang & Panel).
- ☐ Premium: muat turun & cetak **poster QR**, kemudian tampal di homestay. PREMIUM
- ☐ Premium: mohon lencana ✔ **Pemilik Disahkan**. PREMIUM

Tip naik ke Homestay of the Month: HOTM #2 dan #3 dipilih sendiri oleh sistem ikut **rating (50%)**, **bilangan review (25%)** dan **kalendar yang dikemas kini atau di-sync (25%)**. Kumpul review sebenar dan pastikan kalendar sentiasa terkini. Ia percuma, ikut merit, bukan iklan.

3 Mengenali Panel Pemilik

Bahagian atas Panel menunjukkan status listing, pelan (Percuma / ⭐ Premium), statistik dan kalendar. Di bawahnya ada tab berikut:

Tab	Apa anda boleh buat
Maklumat	Nama homestay, nama pemilik, no. WhatsApp tempahan, harga hari biasa, bilik / kapasiti, penerangan, alamat, pin peta, kemudahan, kalendar. Link video PREMIUM
Harga & peraturan	Check-in / out, deposit, peraturan rumah, promosi khas. Harga hujung minggu & musim cuti PREMIUM
Foto & video	Upload foto, pilih foto utama, buang foto. 5 foto (Basic) / 20 foto PREMIUM
Review	Baca review tetamu dan tulis balasan.
Link & kod QR	Link pendek /h/ID. Link nama sendiri dan poster QR PREMIUM
🧾 **Resit**	Resit tetamu, rekod deposit, laporan pendapatan, arahan check-in PREMIUM
Lencana ✔	Mohon lencana Pemilik Disahkan PREMIUM
Pakej & bayaran	Naik taraf / sambung Premium, tawaran RM5 bulan pertama, Boost, sejarah bayaran.
Akaun	Tukar kata laluan, mohon tutup listing. Pemilik Basic juga boleh “belanja kami secawan kopi” (pilihan, sukarela).

Penting: jika anda menukar no. WhatsApp, alamat atau lokasi peta selepas mendapat lencana ✔, lencana akan **digantung sementara** sehingga admin menyemak semula. Ini melindungi tetamu daripada penipu yang cuba mengambil alih listing.

4 Foto, video & harga

📷 Foto yang menarik tetamu

Ambil foto pada siang hari, lampu dibuka, bilik dikemas. Susunan yang disyorkan: **luar rumah → ruang tamu → bilik → dapur → bilik air → surau / kemudahan istimewa**. Foto pertama ialah foto utama.

Basic: 5 foto. Premium: 20 foto. Jika Premium tamat, semua foto disimpan tetapi hanya 5 pertama dipaparkan.

🎬 Video PREMIUM

Tampal link YouTube atau Facebook di tab Maklumat. Video Facebook mesti **Public** supaya boleh dimainkan.

💰 Harga ikut hari & musim PREMIUM

Hari biasa & hujung minggu

Harga asas di tab Maklumat. Pilih malam mana dikira hujung minggu: Kedah, Kelantan, Terengganu & Johor biasanya malam Khamis & Jumaat; negeri lain malam Jumaat & Sabtu.

Musim cuti / perayaan

Sehingga 6 julat tarikh, contohnya Cuti Sekolah Disember, Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas. Harga malam itu disertakan dalam mesej WhatsApp tetamu.

Pemilik Basic boleh isi harga ini lebih awal; ia dipaparkan kepada pelancong sebaik listing menjadi Premium.

📋 Check-in, deposit, peraturan & promosi

Isi masa check-in / out dan deposit. Pilih peraturan: tiada merokok, tiada haiwan, tiada bising selepas 11 malam, kasut di luar, pasangan mesti suami isteri, tiada makanan tidak halal, tunjuk IC, buang sampah sebelum keluar, atau tulis peraturan sendiri.

Promosi khas: tulis contohnya “Diskaun 10% Raya” dengan tarikh tamat. Ia keluar di kad carian dan page homestay, dan hilang sendiri selepas tarikh tamat.

5 Kalendar & sync

Tanda sendiri SEMUA

Tekan tarikh di kalendar Panel untuk tukar **Kosong ⇄ Penuh**. Disimpan serta-merta dan terus kelihatan kepada tetamu. Kemas kini sekurang-kurangnya seminggu sekali.

Sync automatik PREMIUM

Jika anda guna Google Calendar, Airbnb, Booking.com atau Agoda, sambungkan supaya tarikh penuh dikemas kini sendiri. Tarikh dari kalendar luar ditunjuk dengan warna **oren**. Tiada lagi double booking.

Platform	Di mana dapatkan link iCal
Google Calendar guna komputer	⚙ Settings → pilih kalendar di kiri → Integrate calendar → **Secret address in iCal format** → Copy. Tip: buat kalendar khas "Booking Homestay"; semua event di dalamnya dikira PENUH.
Airbnb	Calendar → Availability → Connect calendars → Export calendar → Copy link.
Booking.com	Extranet → Rates & Availability → Sync calendars → Export.
Agoda	YCS → Calendar → iCal export.

Tampal link di Panel → kotak **"Sambung Google Calendar / Airbnb / Booking.com"** → Simpan & sync. Maksimum 3 link.

Arah sebaliknya: tarikh kami ke telefon / platform lain

Salin **link export** dalam kotak yang sama → Google Calendar (komputer) → "Other calendars" + → From URL → tampal. Link ini juga boleh ditampal di Airbnb / Booking.com (Import calendar) supaya tempahan tidak bertindih.

📺 Panduan bergambar langkah demi langkah: **homestaysmalaysia.com/panduan-kalendar.html**

Jika Premium tamat, sync automatik **berhenti**. Tarikh yang penuh di platform lain tidak lagi dikemas kini di sini, jadi tanda kalendar secara manual untuk elak double booking.

6 Link, poster QR & review

Link pendek SEMUA

Setiap homestay ada link seperti **homestaysmalaysia.com/h/12**. Kongsi di bio Instagram / TikTok, status WhatsApp, kad nama dan group Facebook.

Link nama sendiri PREMIUM

Contohnya **homestaysmalaysia.com/teratakbondamaryam**. Lebih mudah diingat dan nampak profesional di kad nama & papan tanda.

Dua poster QR siap cetak PREMIUM

Poster	Di mana tampal
📅 **Tempah & lihat kalendar**	Pintu pagar, kedai berdekatan, kad nama. Orang imbas terus ke page anda dan boleh tempah semula.
⭐ **Tulis review**	Dalam rumah: peti sejuk, meja ruang tamu, belakang pintu bilik. Tetamu imbas dan borang review terus terbuka.

Cara cetak: Panel → tab Link & kod QR → Muat turun poster → cetak A5 atau A4, sebaiknya kertas tebal atau laminate.

Kumpul review sebenar

Hantar mesej ringkas sebelum tetamu check-out:

> *"Terima kasih menginap! Kalau sudi, imbas QR di peti sejuk untuk tulis review ⭐. Sangat membantu kami."*

Review dinilai pada 6 kategori: kebersihan, ruang, bilik, dapur, parking dan keselamatan. Review disemak admin; pemilik tidak boleh memadam review, hanya membalas. Balas dengan sopan, termasuk kepada kritikan; tetamu lain menilai cara anda membalas.

7 Sistem Resit & check-in PREMIUM

Urus dokumen tetamu terus dari Panel → tab 🧾 **Resit**, tanpa app lain.

🧾 Resit tetamu

Isi nama tetamu, tarikh menginap, jumlah dan deposit. Resit dijana atas nama homestay anda dengan nombor resit tersendiri. **Kongsi Resit** sebagai gambar JPEG, PDF atau link terus ke WhatsApp tetamu.

💵 Rekod deposit

Tanda bila deposit diterima dan bila **dipulangkan**. Tiada lagi lupa siapa belum dapat deposit balik.

📊 Laporan pendapatan

Jumlah diterima, bilangan resit dan malam disewa ikut bulan. Muat turun **Excel (CSV)** untuk rekod anda, contohnya semasa isi e-Filing. Resit yang dibatalkan tidak dikira.

🔑 Arahan check-in digital

Satu halaman untuk tetamu: peta & Waze, masa check-in, WiFi, parking, cara masuk dan peraturan rumah. Link rahsia (tidak masuk Google) dan boleh dilampirkan automatik dalam resit. Kurang soalan berulang di WhatsApp.

Cara guna (4 langkah)

#	Langkah
1	Panel → 🧾 Resit → **Resit baharu**.
2	Isi butiran tetamu: nama, no. telefon, tarikh masuk & keluar, harga, deposit.
3	Tekan **Kongsi Resit**. Di telefon, menu kongsi terbuka (WhatsApp, Telegram, emel). Di komputer, gambar dimuat turun.
4	Selepas tetamu keluar, tanda **Deposit dipulangkan**. Silap isi? **Batalkan** resit; link resit akan tunjuk cop BATAL.

Data tetamu hanya untuk urusan anda. Simpan dan gunakan selaras Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

8 Premium, bayaran & Boost

Bulanan	1 Tahun · jimat RM10	🎁 Bulan pertama
RM10	**RM110**	**RM5**
sebulan	setahun	sekali bagi setiap listing

Bayar di **Panel → Pakej & bayaran** melalui **CHIP** (FPX, DuitNow QR, kad). Premium aktif automatik sebaik bayaran berjaya, dan resit dihantar ke emel anda. Jika anda sambung lebih awal, baki hari ditambah, tidak hilang. Kami hantar emel peringatan 7 hari dan 1 hari sebelum Premium tamat.

Bila Premium tamat: listing kekal dipaparkan sebagai Basic (5 foto pertama, tanpa sync kalendar, tanpa harga musim). Semua data disimpan dan kembali sebaik anda sambung.

Bayaran tidak dikembalikan selepas Premium diaktifkan, kecuali ditentukan lain oleh undang-undang.

🚀 Boost: bila bulan sunyi PREMIUM

Boost	Harga	Kesan
Naik atas carian & peta	RM25 / bulan	Listing di atas hasil carian dalam radius
Listing Utama	RM50 / bulan	Dalam senarai Homestay Pilihan di halaman utama
Banner Utama	RM250 / bulan	Gambar besar paling atas halaman utama (bergilir jika lebih dari satu)
Review video oleh team	RM150 sekali	Video review, gambar 360 & temu ramah

Paparan berbayar ditanda **“BOOSTED”**. Rating dan review tidak boleh dibeli. Homestay of the Month dipilih ikut merit.

☕ **Belanja kami secawan kopi:** pemilik Basic yang suka platform ini boleh menyumbang secara sukarela (min RM5) di Panel → Akaun. Ia membantu kos server dan promosi, tanpa sebarang kewajipan.

9 Lencana ✔ Pemilik Disahkan PREMIUM

Lencana hijau ✔ memberitahu tetamu bahawa anda telah disemak oleh admin HomestaysMalaysia. Page anda juga memaparkan **nama pemegang akaun bank** dan 4 digit terakhir nombor akaun, supaya tetamu yakin membuat bayaran ke akaun yang betul.

Siapa layak

Listing dengan Premium aktif.

Cara memohon

#	Langkah
1	Panel → tab **Lencana ✔**. Isi nama pemegang akaun bank, nama bank, 4 digit terakhir nombor akaun, dan no. lesen PBT (jika ada).
2	**Tiada IC atau dokumen diperlukan.** Admin akan menghubungi anda melalui WhatsApp untuk **panggilan video ringkas**.
3	Anda dijemput ke **grup WhatsApp pengesahan pemilik**.
4	Lencana ✔ dipaparkan selepas disahkan (biasanya 1–2 hari bekerja).

Bila lencana digantung: jika anda menukar no. WhatsApp, alamat atau lokasi peta, lencana digantung sementara sehingga admin menyemak semula. Untuk menukar akaun bank, hubungi hello@homestaysmalaysia.com.

Lencana ✔ bukan jaminan mutlak. Ia bermaksud admin telah menyemak anda pada tarikh semakan, dan boleh digantung atau ditarik balik jika ada aduan munasabah.

10 Keselamatan untuk anda & tetamu

Langkah untuk anda sebagai pemilik

- ☐ **Lindungi akaun:** guna Log masuk Google atau kata laluan kuat, dan aktifkan 2FA pada emel anda.
- ☐ Terima bayaran **hanya ke akaun atas nama sendiri**. Meminta tetamu bayar ke akaun pihak lain melanggar terma.
- ☐ Hantar pengesahan bertulis kepada tetamu (tarikh, jumlah, deposit, syarat batal). Premium: guna Sistem Resit.
- ☐ Semak IC tetamu semasa check-in jika perlu.
- ☐ Aduan tentang tetamu: gunakan **"Buat Aduan"** di bahagian bawah laman.

Apa yang tetamu nampak di page anda

Kotak 🛡 **Tempah dengan selamat**: nasihat supaya membayar hanya ke akaun atas nama pemilik, pautan Semak Mule PDRM, dan butang Laporkan listing.

Apa yang kami lakukan

- ☐ Setiap listing baru disemak admin sebelum dipaparkan.
- ☐ Review disemak admin; pemilik tidak boleh memadam review, hanya membalas.
- ☐ Listing tidak dipadam terus oleh pemilik. Mohon tutup di Panel → Akaun; admin luluskan. Rekod & review disimpan sebagai bukti.
- ☐ Log perubahan: nama, WhatsApp, alamat & lokasi direkod dengan masa.
- ☐ Kata laluan disimpan dalam bentuk hash; bayaran melalui CHIP, nombor kad tidak disimpan.

Jika berlaku penipuan: hubungi **NSRC 997** segera, buat laporan polis, dan laporkan kepada kami. Kami akan menyembunyikan listing berkenaan dan membantu dengan rekod yang ada.

Panduan penuh: homestaysmalaysia.com/#keselamatan

11 Terma penting & hubungi kami

Ringkasan sahaja. Terma Penggunaan dan Dasar Privasi penuh di homestaysmalaysia.com/#terma dan /#privasi. Jika berbeza, terma di laman web terpakai.

1. Peranan kami	Platform penyenaraian. Tempahan dan bayaran sewa dibuat terus antara tetamu dan pemilik. Kami tidak memegang, menerima atau menjamin wang tempahan.
2. Tanggungjawab pemilik	Anda pemilik / pengurus sah; maklumat, foto, harga dan kalendar tepat; foto milik anda atau ada kebenaran.
3. Pakej	Listing asas percuma untuk listing pertama setiap pemilik (no. telefon & emel). Listing tambahan dan ciri Premium memerlukan Premium aktif.
4. Larangan	Listing palsu, gambar orang lain, alamat tidak wujud, penipuan, menyamar, review palsu atau membeli review, mengugut tetamu, menyalahgunakan data peribadi, aktiviti menyalahi undang-undang atau syarat PBT.
5. Penggantungan	Admin boleh menyembunyikan, menggantung atau memadam listing jika ada aduan munasabah, bukti penipuan atau pelanggaran terma, tanpa bayaran balik.
6. Rekod	Kami menyimpan log perubahan dan aduan, dan boleh menyerahkannya kepada pihak berkuasa jika diminta mengikut undang-undang.
7. Pematuhan	Anda bertanggungjawab mematuhi undang-undang dan garis panduan penginapan jangka pendek, termasuk lesen PBT jika diperlukan.
8. Data peribadi	Diurus selaras Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Anda boleh meminta akses, pembetulan atau pemadaman data.

Hubungi kami

Emel	hello@homestaysmalaysia.com
Messenger	m.me/homestaysmalaysia
Soalan lazim	homestaysmalaysia.com/#soalan-lazim
Aduan	homestaysmalaysia.com → “Buat Aduan” (bawah laman)
Media sosial	Facebook, Instagram, Threads & TikTok: @homestaysmalaysia

HomestaysMalaysia.com dikendalikan oleh **TSYOK DESIGN (SA0313282-T)**, Sungai Petani, Kedah. Perintis listing homestay Malaysia sejak 2014.